

PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DI SINGAPURA

- masa dini, masa kini dan masa lini

Oleh : Haji Muhammad Ariff Ahmad

0. pendahuluan

01. Sebenarnya, saya telah diminta Setiausaha MBMS supaya bercakap tentang **sebutan Melayu baku** dalam seminar ini. Namun, oleh sebab rakan penceramah saya: Encik Ismail b Dahaman dari DBP Kuala Lumpur adalah pakar sebutan baku dan akan menyampaikan kepada seminar ini sebanyak-banyak maklumat tentang 'sebutan baku' dan kaedah penyebutannya yang betul, maka saya rasa ada baiknya jika saya bercakap pula tentang hal yang lain.

02. Tambahan pula pada esok, lusa, tulat, langkat dan tubin (selama lima hari berturut-turut) saya akan dikehendaki menjawab pertanyaan-pertanyaan yang mengenai 'sebutan baku' menerusi satu kuliah di SBC, maka saya pohon izin Setiausaha MBMS bercakap dalam seminar ini tentang:

Penggunaan Bahasa Melayu di Singapura - pada masa dini, masa kini dan masa lini (lepas ini)

03. Dengan demikian pengguna-pengguna sedar akan perkembangan bahasa Melayu di Singapura yang digunakan mereka selama ini, serta mahu pula mereka mengakui bahawa perkembangan bahasa itu adalah wajar, dan menerima akan perubahan demi perkembangan adalah wajar, sesuai dengan sifatnya sebagai bahasa yang moden, bahasa yang hidup dan mampu digunakan di segala bidang kehidupan manusia.

04. Bagaimanapun, ketika membicarakan bahasa Melayu masa kini dan akan datang itu nanti, beberapa hal yang membabit penggunaan bahasa Melayu baku akan juga saya sentuh. Dan, apabila bercakap tentang bahasa baku, mahu tidak mahu, sebutan baku pasti tersentuh.

05. Mudah-mudahan percakapan saya ini akan dapat pula membantu menjelaskan beberapa keraguan sesetengah pengguna tentang mengapa harus kita berbahasa baku yang baru, padahal bahasa Melayu-Riau-Johor yang kita gunakan selama ini adalah bahasa baku kita.

2. definisi 'bahasa'

06. Menurut definisi linguistik, **bahasa** adalah satu sistem simbol yang terdiri dari bunyi-bunyi yang diucapkan melalui lidah manusia¹, yang disetujui, dipelajari dan digunakan oleh sekelompok manusia sebagai alat komunikasi. Bagaimanapun, bagi sesetengah kelompok (sekarang disebut 'bangsa') pengguna, bahasa itu membawa maksud-maksud khusus.

1. Apabila manusia bertambah maju, bahasa tidak lagi semata-mata dituturkan tetapi juga dituliskan maka simbol bunyi (fonem) digambarkan dalam bentuk grafem yang kita sebut "huruf".

07. Dalam bahasa Sanskrit misalnya, 'bahasa' yang disebut **bha:sya** itu dihuraikan dalam bahasa Inggeris dengan wacana *vernacular tongue; description* atau *definition*. Dalam bahasa Arab pula, wacana yang membawa makna eksplisit disebut **lughah**, manakala wacana yang membawa makna implisit disebut **istilah**.

08. Di Alam Melayu (termasuk Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura), **bahasa** itu rapat hubungannya dengan tata tertib, sopan santun dan adat resam. Falsafah **bahasa** bagi orang-orang Melayu adalah kultural. Wacana dalam bahasa Melayu bukan sahaja membawa makna leksikal, bahkan banyak pula membawa makna kultural, sehingga apabila seseorang melafazkan wacana **tidak tahu bahasa**, frasa itu tidak semata-mata bermakna *tidak tahu akan bahasa*, tetapi ia membawa juga makna *tidak tahu aturan; tidak tahu adat; tidak terpelajar; jahil; biadap* atau *kurang ajar*.

3. bahasa Melayu di Singapura

3.1 bahasa Melayu masa dini *bahasa Melayu jati

09. Sejarah telah merakamkan bahawa Singapura Tua telah dibuka oleh Sang Nila Utama, anak raja Melayu Palembang yang berkerajaan di Bentan pada TM 1300. Malah, nama Singapura itupun adalah ciptaan Sang Nila Utama setelah terlihat akan kelibat binatang gagah yang dipercayai seekor singa. Kekata Singapura itu bahasa Sanskrit yang bermakna **bandar Singa**.

10. Menerusi bukunya 'Sejarah Alam Melayu Penggal 1', Abdul Hadi b Haji Hassan mengatakan walaupun Singapura telah dibuka oleh anak raja Palembang, Sang Nila Utama, pada TM 1300, namun rakyatnya bukanlah rakyat Palembang. Hal ini dipastikan dengan melihat kepada rakyat Singapura pada masa itu **berbahasa Melayu**

jati. Menurut Abdul Hadi: bahasa dan adat resam orang Melayu jati tidak sama dengan bahasa dan adat resam orang Plembang. Pada masa itu orang-orang Melayu di Pulau Perca (Sumatera) yang berbahasa Melayu jati ialah orang Kampar, Inderagiri dan Siak².

11. Apabila Sang Nila Utama meminta kiriman rakyat dan gajah kuda, baginda telah dikirimi rakyat yang tiada tepermanai banyaknya oleh ibu mentuanya, Permaisuri Iskandar Shah, pemerintah Bentan. Tak dapat tiada, rakyat yang dikirimkan ke Singapura itu adalah rakyat Bentan - sama ada mereka itu putera bumi Bentan mahupun yang datang dari sekitaran pulau.

12. Bentan termasuk kepulauan Riau; maka orang Melayu Bentan ialah sebahagian daripada orang Melayu Riau. Justeru kerana itu, besarlah kemungkinan bahawa **bahasa Melayu jati** yang dituturkan orang Melayu Singapura pada masa itu ialah **bahasa Melayu Riau**.

13. Dalam pada itu, oleh sebab orang Melayu yang membuka Singapura itu telah sedia menganut agama Hindu, maka pastilah **bahasa Melayu jati** yang dituturkan mereka itu sudah menerima banyak kosa kata Sanskrit - setidak-tidaknya kekata yang berhubung kait dengan hayatan agama, seperti kekata *agama, Tuhan, sembahyang, swarga, dosa, pahala, bahasa, anugerah* dan yang sebagainya; begitu juga dengan kata-kata yang ada sangkut-pautnya dengan pemerintahan dan pertahanan negara, seperti *takhta, mahkota, paduka, senjata, murka, perwira, rentaka* dan lain-lain yang sebagainya.

14. Ketika Sang Nila Utama berkerajaan di Singapura (1300-1348), baginda telah mengadakan istiadat peraturan diraja mengikut cara Hindu; di *istananya* sudah ada *balairung*, ada orang raja yang mengangkat hidangan dan

2. Baca: Abdul Hadi bin Haji Hassan, *Sejarah Alam Melayu Penggal I*, Malaya Publishing House Limited, Singapore 1949, halaman 84.

sirih; orang-orang besar di istana sudah memakai tentaman³. Peradaban Hindu yang diwarisi orang-orang Melayu pada zaman itu pastilah telah menyerap banyak kata-kata Sanskrit ke dalam bahasa pemerintah dan bahasa perhubungan umum.

15. Ketika Paduka Seri Pikarma Wira memerintah Singapura (1348-1363), baginda mengatur tugas pemerintahan; baginda adakan 'orang besar empat' iaitu **bendahara** (Tun Perpatih Permuka Berjajar) **timbangannya** (Tun Perpatih Permuka Segalar), **penghulu bendahari** dan **ketua angkatan perang** (Tun Tempurung Gemeretak).

16. Kata-kata *seri* dan *pikarma* itu dari gelar Hindu; *bendahara* dan *bendahari* dari kata Sanskrit, *kekata perpatih* dari kata Jawa dan *Tun* itu ialah gelar Melayu asli. Orang yang mula-mula bergelar **tun** ialah *Tun Telenai* (ibu mentua Tun Seri Lanang), iaitu cucu Demang Lebar Daun, yang telah diangkat menjadi pemerintah Bentan menggantikan Permaisuri Iskandar Shah⁴.

17. Pengembara dan pedagang China, Wang Ta-yuan yang pernah sampai ke *Tan-Ma-Hsi* (Temasik) mencatatkan dalam bukunya "Tao Yi Chih Lueh" pada tahun 1349 bahawa bumiputera di situ dengan pedagang-pedagang China itu duduk berjiran.⁵ Yang penting dalam bab ini ialah selain daripada kenal akan orang China, orang Melayu mulai kenal akan *tongkang*: tahu pula membezakan yang mana *tongkang* dan yang mana 'perahu'. Selain daripada *tongkang* tentulah orang Melayu kenal juga akan *cincu*, *tauke*, *tlaucang*, *anglo*, *kongsi*, *lonceng*, *tanlung* dan banyak yang lain lagi.

18. Kenyataan yang diterangkan dari para 13 dan 17 di atas menunjukkan; walaupun bahasa Melayu digunakan di Singapura dalam zaman pemerintahan raja-raja Melayu

3 Baca: Haji Buyong Adil, *Sejarah Singapura*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1972 halaman 24-26.

4 *Idem*, halaman 26 - 27

5. *Idem*, halaman 27 - 28

Hindu (1300-1392) itu masih disebut **bahasa Melayu jati**, namun 'bahasa Melayu jati' itu sudah mulai mengalami proses perkembangannya. Bahasa itu bukan lagi hanya digunakan antara orang Melayu semata-mata, tetapi sudah meningkat menjadi bahasa perantaraan dengan pedagang-pedagang yang datang atau singgah di Singapura.

19. Kedatangan saudagar dan pengislam Arab dan Farsi pada awal 1400-an, telah menjadikan kosa kata bahasa itu bertambah dengan kata-kata : dari Arab seperti *akal, adat, malaikat, kitab, dunia, akhirat, fikir* dan lain-lain; dari Farsi seperti *sahabat, nakhoda, astana, jam, kahwin, temasya* dan banyak lagi.

20. Demikian pula tentang kedatangan orang-orang India dan penjajah Portugis. Pergaulan orang Melayu dengan para peditang itu telah menyebabkan pertambahan kosa kata yang terambil dari bahasa mereka itu. Dari orang India terambil kata-kata bahasa Tamil seperti *apam, kolam, nilam, ragam, logam* dan lain-lain; bahasa Dravida seperti *kuda, loji, belanja* dan sebagainya; dan bahasa Hindu seperti *cuti, culi, curi, sundal, kapal* dan yang seumpamanya.

21. Dari bahasa Portugis pula terambil kata-kata seperti *bendera, kemeja⁶, biola, jendela, mentega, seldadu, padri* dan sebagainya.

22. Dengan penyerapan kata-kata bahasa Sanskrit, bahasa Jawa, bahasa China, bahasa-bahasa Arab-Farsi, bahasa-bahasa lain dari India dan Portugis tadi maka bahasa Melayu jati itu bertambah kaya dengan kata-kata yang terambil dari bahasa asing dan menjadikan bahasa Melayu itu mampu berbicara dalam banyak bidang kehidupan - bidang politik, ekonomi, budaya dan sosial.

6 Sebenarnya kata kemeja itu disebut dalam bahasa Portugis *kat-me-zja*; dan kata kametzja itu berasal dari bahasa Arab *'gamisy'*

*** bahasa Melayu Tun Seri Lanang.**

23. Kisah Singapura hidup kembali sebagai sebuah negeri telah diceritakan Buyong Adil dalam bukunya, kata Buyong:

“Syahdan lagi, pada masa Singapura itu takluk di bawah kuasa kerajaan Islam Melaka dan Johor, barangkali adalah pula orang dari kedua tempat itu datang berkediaman di Singapura; istimewa pada tahun 1811 iaitu pada masa Temenggung Johor⁷ berbuat tempat kediaman di Singapura, ramailah orang-orang Melayu Johor pengiring-pengiring Temenggung itu pindah bersamasamanya ke Singapura.”

“Pada masa orang-orang Inggeris mula-mula sampai ke Singapura didapatinya orang-orang Melayu di situ kira-kira 150 orang*, mereka itu ialah orang Temenggung; rumah mereka kecil-kecil sahaja, dan rumah Temenggunglah yang besar daripada sekaliannya; orang-orang laut itu tiada berapa ramai⁸.”

24. 150/500 orang Melayu penduduk asal Singapura itu beragama Islam⁹, sudah tahu membaca Quran; ada pula tempat belajar mengaji dan belajar hukum-hukum agama, maka tidak mustahillah jika pada masa itu sudah mulai terdapat sedikit orang yang tahu menulis bahasa Melayu dengan tulisan Arab. Bagaimanapun, sebelum kedatangan Raffles pada tahun 1819, masyarakat Melayu tradisional belum punya satu sistem pendidikan yang dianggap formal. Dua corak pendidikan yang terdapat pada masa itu ialah pendidikan tidak formal atau *oral education tradi-*

7 Temenggung Seri Maharaja Abdul Rahman bin Temenggung Abdul Hamid yang berkediaman di Pulau Bulang.

8 Baca: Buyong Adil, Sejarah Alam Melayu Penggal IV, Malaya Publishing House, Singapura 1948, halaman 6, "Melalui Sejarah Singapura," Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1972, Haji Buyong Adil mengatakan bukan 150 orang, tetapi 150 keluarga yang mengandungi kira-kira 500 orang.

9 Menerusi Sejarah Alam Melayu Penggal II, Malaya Publishing House, Singapore 1949 halaman 79, Abdul Hadi b Haji Hassan mengatakan: menurut riwayat China yang berdagang di Melaka, pada tahun 1409 raja yang memerintah negeri Melaka sudah beragama Islam.

tion dan juga pendidikan agama Islam. Nilai yang disalurkan menerusi pendidikan ialah nilai-nilai moral-etika yang berpusatkan kepada konsep **budi**, dengan **bahasa Melayu** digunakan sebagai alat penyampai nilai itu¹⁰.

25. Apabila bahasa Melayu mulai diajar di 'tempat-tempat mengajar' di Singapura, dan Abdullah bin Abdul Kadir menjadi munsyi kepada pegawai-pegawai Inggeris di East India Company pada tahun 1819, Munsyi Abdullah telah menganjurkan supaya **bahasa Sejarah Melayu**, yakni bahasa Melayu Tun Seri Lanang itulah yang diajarkan, kerana menurut Abdullah: bahasa Melayu Tun Seri Lanang itu adalah **bahasa Melayu yang betul dan halus**. Kata Abdullah:

*"BAHAWA INI PERKATAAN SEGALA TUAN-TUAN
DALAM NEGERI SINGAPURA YANG HENDAK
MEMASYHURKAN BAHASA MELAYU*

"Maka barang siapa yang mendapat akan kitab Sejarah Melayu, maka dapat tiada ia akan bertanya; 'Surat apa ini dan apa sebab jadi begini dan dari mana datangnya ini? Kerana belum pernah sahaya lihat demikian rupanya. Adat baharukah ini atau karangan orang putihkah atau apakah?' Maka kepada barang siapa yang berkata demikian itu maka adalah kami sedia memberi jawabnya.

"Pertama-tama maka adalah segala tuan-tuan yang menjadi kepala kepada tempat mengajar bahasa Melayu dan lain-lain dalam negeri Singapura yang telah dibuat oleh Tuan Raffles itu berkehendak mereka itu akan mencari-cari kitab bahasa Melayu termasyhur lagi yang diketahui oleh segala orang Melayu supaya boleh diajarkan itu kepada segala kanak-kanak kerana bahasa Melayu betul dan halus, adanya, supaya jangan mereka itu berkacau

10 Baca makalah Hadijah Rahmat: Pelajaran Dalam Masyarakat Melayu Tradisional dalam majalah MEKAR terbitan Kementerian Pelajaran Singapura, Oktober 1980, halaman 14.

dan bergaul dengan bahasa kacukan daripada bahasa bangsa-bangsa yang banyak berbahasa dengan bahasa Melayu¹¹”.

26. Seruan Munsyi Abdullah itu ditujukan kepada *kepala tempat mengajar bahasa Melayu*. Adapun yang dimaksudkan Abdullah dengan kata *kepala* dalam frasa itu ialah **ketua guru** (istilah sekarang ialah **guru besar**), manakala yang dimaksudkan dengan frasa *tempat mengajar bahasa Melayu* itu pula bukanlah lain daripada **sekolah Melayu**. Maka dengan frasa itu dapatlah kita faham bahawa ketika Abdullah dan Raffles tiba di Singapura pada tahun 1819, kekata sekolah belum lagi terpakai dalam bahasa Melayu.

* Bahasa Melayu Riau-Johor

27. Pengajaran bahasa Melayu kepada anak-anak Melayu Singapura baru bermula apabila Rev G.H. Thomson dan isterinya tiba di Singapura pada tahun 1822. Di sebuah rumah di simpang North Bridge Road dengan Bras Basah Road, *Reverend* itu mengajar 12 orang anak-anak Melayu; *Reverend* itu sendiri mengajar enam orang kekanak lelaki, dan isterinya mengajar enam orang kekanak perempuan. Kekanak itu diajarkan **bahasa Melayu** dan bahasa Inggeris¹².

28. Oleh sebab penduduk Singapura yang 150/500 orang pada masa itu adalah orang-orang Johor dan Riau, maka pasti bahasa Melayu yang diajarkan Rev Thomson dan isterinya ialah bahasa Melayu Johor Riau. Bagaimanapun, tidak dapat kita bayangkan betapa bentuk bahasa Melayu Johor-Riau yang telah diajarkan *Reverend* itu kepada murid-muridnya, kerana sedini-dini tata bahasa Melayu

11 Baca: Sedjarah Melayu terbitan Djambatan, Djakarta/Amsterdam 1952, halaman XXI-XXVIII.

12 Baca: 150 Years of Education in Singapore, terbitan Teachers' Training College, Singapore 1969, halaman 16.

Johor-Riau baru dihasilkan pada tahun 1857, sedangkan Thomson telahpun mengajar bahasa itu pada tahun 1822.

29. Sasterawan Melayu lama, Raji Ali Haji b Raja Ahmad telah menghasilkan buku tata bahasa Melayu yang diberi nama '**Bustanul-Katibin**' pada 1857 dan menghasilkan buku '**Pengetahuan Bahasa**' [**Kamus Loghat Melayu Johor, Pahang, Riau dan Lingga**] pada 1858. Kedua-dua buku itu menyajikan tata bahasa Melayu mengikut hukum-hukum 'nahu Arab'.

30. Raja Ali Haji membahagikan kelas kata bahasa Melayu kepada tiga kelompok sahaja, iaitu *isim* (kata nama), *fi'il* (kata kerja) dan *huruf* (partikal). Raja Ali Haji menunjukkan contoh-contoh ayat bahasa Melayu Riau:

- * Tiada akan datang kepadaku si Zahid tetapi si Umar datang.
- * Si Zahid di atasnya hutang.
- * Tiada datang segala orang melainkan si Zahid.
- * Telah memukul oleh si Umar akan Zahid.
- * Duduk aku akan masjid akan hari Jumaat; duduk aku di belakang raja¹³.

31. Pada bahagian 'Kamus' Loghat Melayu Johor, Pahang, Riau dan Johor, Raja Ali Haji menerangkan makna kekata '**mengasut**', katanya:

**Mengasut, iaitu orang yang memberi nasihat kepada taulannya supaya diperbuat seperti maksudnya. Seperti kata seseorang kepada seseorang 'Anak raja itu dahulu baik benar perangnya tiada suka bercampur dengan orang bangsat-bangsat dan tiada pemarah dan tiada memaki dan memukul orang-orang, sudah diperbuatnya segala yang jahat-jahat itu'.*

13 Baca: Raja Ali Haji, Pengetahuan bahasa, Dept Pend & Keb., Pekanbaru, Riau 1987 halaman 1 - 19.

*Maka jawab seseorang: 'Si Anu yang **mengasutnya**'
*Maka jawab yang seorang: 'Jikalau begitu anak raja-raja tiada harus sekali-kali diberi bercampur dengan orang bangsa-bangsa dan hendaklah dicampurkan oleh ayahandanya dan bundanya dengan orang yang baik-baik dan orang yang berilmu dan beradab adanya'.¹⁴

32. Atas usaha bersama Temenggung Ibrahim (Johor) yang berkediaman di Teluk Blangah dengan gabenor Singapura, E.A. Blundell, pada tahun 1856 telah didirikan sekolah rendah Melayu yang pertama di Teluk Blangah, diikuti dengan pembinaan sekolah Abdullah di Kampung Glam dan yang lain-lain. Menerusi sekolah-sekolah itulah bahasa Melayu Johor-Riau yang dianggap bahasa Melayu yang betul pada masa itu telah diajarkan.

* **bahasa Melayu SITC**¹⁵

33. Bahasa Melayu Johor-Riau dianggap betul telah teraku sebagai bahasa Melayu *standard* atau **bahasa Melayu sekolah** di Singapura. Namun, apabila maktab perguruan SITC ditubuhkan di Tanjung Malim pada 1922, dan guru-guru Melayu dari seluruh Malaya [termasuk Semenanjung Tanah Melayu, Singapura dan Brunei] dilatih di maktab tersebut, maka melalui lulusan SITC satu bentuk bahasa Melayu baru telah diajarkan di sekolah-sekolah kita.

34. bahasa Melayu *standard* yang diajarkan di sekolah berpandu kepada buku '**Pelita Bahasa Melayu**' yang dikarang Za'ba mulai 1936. Menerusi pendahuluan kepada 'Pelita Bahasa Melayu' iaitu Za'ba mengakui:

**Bahawa kitab ini adalah cubaan yang pertama pada mengaturkan kaedah nahu Melayu dengan keadaan yang lebih lengkap daripada yang sudah-sudah*

¹⁴ Idem, halaman 72

¹⁵ SITC = Sultan Idris Training college, maktab latihan bagi guru-guru Melayu.

dicuba orang dalam bahasa Melayu. Aturan dan rangkanya banyak ditirukan kepada acuan nahu Inggeris dan sedikit-sedikit nahu Arab. Tetapi isi yang memenuh rangka itu semua dipadankan dengan pembawaan tabiat sejati bahasa Melayu dan dengan kaedah-kaedahnya yang khas tersendiri daripada bahasa-bahasa lain.

35. Semenjak itu, bahasa Melayu yang bukan bahasa SITC dianggap sebagai dialek [dialek utara, dialek Kelantan/Terengganu, dialek Melaka/ Negeri Sembilan dan dialek selatan]. Dialek utara dituturkan orang Pulau Pinang, Kedah dan Perlis, manakala dialek selatan dituturkan orang Pahang, Johor dan Singapura.

36. Bagaimanapun, oleh sebab bahasa *standard* Melayu Singapura - daripada bahasa Johor-Riau ke bahasa SITC - itu berupa satu evolusi, maka tidaklah banyak orang yang betul-betul sedar akan hakikat perubahan itu. Banyak orang terutama orang selatan [termasuk yang di Singapura] sudah menganggap bahawa bahasa Johor-Riau itulah bahasa Melayu yang *standard* perlu dipertahankan.

37. Sekadar contoh, bandingkan bentuk bahasa Melayu Riau dengan bahasa Melayu SITC yang diperturunkan ini:

bahasa Riau - Raja Ali Haji

- * *Tiada datang kepadaku
si Zahid tetapi si Umar*
- * *Si Zahid di atasnya
hutang.*
- * *Telah memukul oleh Umar
akan si Zahid.*
- * *Duduk aku akan masjid
akan hari Jumaat, duduk
aku di belakang raja.*

bahasa SITC - Za'ba

- * *Si Umar datang
kepadaku tetapi si
Zahid tidak.*
- * *Si Zahid menanggung
hutang.*
- * *Umar telah memukul si
Zahid.*
- * *Pada hari Jumaat, aku
duduk di masjid, di
belakang raja.*

38. **Kamus Loghat Melayu Johor, Pahang, Riau dan Lingga** yang terkarang oleh Raja Ali Haji pada 1858 telah dicetak oleh Al-Ahmadiyah Press di Singapura pada tahun 1928. Kamus loghat yang dikatakan sesetengah orang sebagai ensiklopedia itu telah menghuraikan makna dan kegunaan lebih daripada 2000 kekata 'bahasa Melayu Johor-Riau' [berurutan dari *alif* hingga *ce*].

39. Dari antara 2000 kekata itu banyak yang sudah tidak terpakai lagi. Sekadar contoh, kekata yang telah tidak kita pakai di Singapura ialah kata-kata *ibik, umbuk, utik-utik, endek, ondok-ondok, empik, ongkok, ate-ate, benyot, bogot, banking, bejibah, takak, tekik, taris, oja, abar, andas* dan banyak yang lain lagi.

40. Ada juga antara kekata-kekata itu yang masih tersimpan di dalam kamus tetapi tidak digunakan lagi. Dan, ada pula yang masih digunakan tetapi sebutannya sudah distandardkan mengikut kaedah SITC. Misalnya:

antuk	distandardkan	jadi	kantuk	> mengantuk
endap	"	"	hendap	> mengendap
ambik	"	"	ambil	> mengambil diambil
nasik	"	"	nasi	> makan <u>nasi</u>
maknusia	"	"	manusia	
kecik	"	"	kecil	> mengecilkan
ogot	"	"	ugut	> mengugut, terugut

41. Konsonan /r/ lemah dalam sebutan Johor-Riau, dalam pengucapan SITC disebut dengan /r/ lantang. Sebutan Johor-Riau *orang* disebut 'orang'; *ular* sebutan Johor-Riau, disebut SITC 'ulang' dan banyak lagi.. misalnya : *ramai, rasa, luar, bayar, bara, kera* dan sebagainya.

42. Sebenarnya, unsur bahasa Melayu Riau masih yang diamalkan dalam bahasa Melayu di Singapura hingga

sekarang hanyalah tinggal **bunyi sebutannya** sahaja [terutama vokal 'a' pada akhir kata yang disebut 'e', misalnya kata disebut **kate**, saya disebut **saye**, dua disebut **due** dan yang seumpamanya; dan vokal 'i' dan 'u' terikat disebut 'e' dan 'o', misalnya **kasih** disebut **kaseh**, **pasung** disebut **pasong**, **duduk** disebut **dudok** dan yang seumpamanya], sedangkan kosa kata dan tata bahasanya sudah berubah dan bertambah dengan yang bukan Johor-Riau lagi.

43. Malah, perihal bunyi bahasa itu telah dibincangkan dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu se-Malaya ke-3 pada tahun 1953. KPBMM-3 telah merumuskan:

* Menurut pendapat sidang C(i), anggapan lama bahawa bunyi bahasa Melayu yang standard ialah loghat Johor-Riau tidak sesuai lagi dengan bahasa Melayu pada hari ini.

* *Melihat hal itu setelah mempelajari kertas kerja bilangan 19 dan bilangan 1 mengenai soal-soal bunyi bahasa Melayu dalam ucapan, maka Jawatankuasa Ejaan dan Bunyi ini menganjurkan supaya vokal / a/ dalam suku kata hidup yang akhir dalam sesuatu perkataan dibunyikan 'a' bukan 'e' (misalnya a:pa dibunyikan **apa** bukan **ape**)¹⁶.*

44. Pada Jun 1959, bahasa Melayu telah diangkat menjadi bahasa Kebangsaan bagi Singapura, iaitu bahasa yang dituturkan sekalian rakyat Singapura, di samping menjadi salah satu daripada empat bahasa rasmi Singapura [Negara berbilang bangsa, berbilang bahasa, berbilang budaya, berbilang agama].

45. Dengan pengangkatan bahasa Melayu menjadi bahasa Kebangsaan Singapura, hampir semua daripada

¹⁶ Baca: Memoranda Angkatan Sasterawan 50, terbitan Pustaka Pedoman University Press, Kuala Lumpur 1962, halaman 265.

1,725 pertubuhan kebudayaan dan sosial - yang Melayu dan yang bukan Melayu - telah bekerjasama dengan badan-badan pemerintah menggalak dan mendorong rakyat Singapura mempelajari dan menggunakan bahasa Melayu (bahasa Kebangsaan).

3.2 bahasa Melayu kini

46. Dengan kehidupan yang bertambah maju, penuh dengan pelbagai kepentingan maka penggunaan bahasa Melayu turut berkembang. Bahasa Melayu bukan lagi merupakan bahasa bagi orang Melayu semata-mata tetapi digunakan juga oleh pelbagai orang yang berkepentingan. Penyerapan kosa kata bahasa asing [terutama Inggeris] yang sesuai dengan keperluannya, merupakan perkayaan bahasa Melayu yang wajar.

47. Makin banyak orang terpelajar, bahasa Melayu *standard* atau bahasa sekolah menjadi semakin mantap. Dalam urusan-urusan rasmi dan situasi-situasi formal bahasa *standard* [kini disebut **bahasa baku**] itulah yang digunakan orang. Termasuk dalam komponen **bahasa baku** ialah kosa kata baku, ejaan baku, tata bahasa baku dan sebutan baku.

48. Dalam bahasa tulisan, Singapura telah mula menggunakan **ejaan baku** semenjak tahun 1977. Di sekolah-sekolah pelajar-pelajar bahasa Melayu telah didedahkan pada **tata bahasa baku**. **Sebutan baku** baru dikenalkan melalui pelajar-pelajar di sekolah-sekolah mulai awal tahun 1993 ini, dan sedang diperkenalkan kepada masyarakat. Tema Bulan Bahasa 1993 ialah *gunakan bahasa baku*.

49. Bagaimanapun, dalam situasi tidak formal dan dalam suasana santai pula, orang lebih selesa bertutur secara bersahaja; lebih banyak orang yang gemar berbicara sekadar untuk memahamkan *respondannya* daripada bertutur dengan teratur menurut disiplin bahasa. Maka

situasi yang demikian itu telah menampakkan seolah-olah ada tiga macam bahasa yang tidak *standard* telah digunakan oleh orang Singapura, iaitu:

- * **bahasa Melayu kampung** yang dituturkan orang biasa, terutamanya mereka yang tidak bersekolah.
- * **bahasa Melayu dagang**, merupakan bahasa kacukan yang dituturkan oleh orang bukan-Melayu yang tidak terpelajar Melayu. Oleh banyak orang, bahasa ini dikatakan 'bahasa pasar'.
- * **bahasa Melayu Baba** merupakan variasi bahasa Melayu yang dituturkan kaum Cina peranakan.

50. 9 Ogos 1965, Singapura merdeka. Mulai dari 1966, sistem pendidikan di Singapura berubah: penyampaian ilmu dilakukan menerusi bahasa Inggeris, manakala bahasa ibunda [Mandarin, Melayu dan Tamil] diajarkan sebagai satu mata pelajaran sahaja. Kemudian, bahasa ibunda dipanggil 'bahasa kedua'. 'Sistem Pelajaran Baru' yang menekan ke arah usaha *meningkatkan taraf bahasa kedua sebagai bahasa rasmi negara* telah diperkenalkan semenjak 1979.

51. Ketika memperkenalkan pelajaran bahasa kedua di sekolah-sekolah dalam tahun 1970 dahulu, seorang Menteri Negara telah mengatakan bahawa *bahasa ibunda itu dimaksudkan untuk melestari, memelihara dan memantapkan kebudayaan dan tradisi masing-masing*.

52. Namun, dalam ucapannya merasmikan Bulan Bahasa 1990 seorang Menteri lain telah mengulas bahawa *bahasa Melayu yang dipelajari sebagai bahasa kedua bukan lagi berfungsi sebagai pemantap kebudayaan Melayu semata-mata, tetapi ia akan berfungsi sebagai wahana bagi lalu lintas ekonomi di rantau Asean pada masa mendatang*. Ini bermakna: mereka yang berkepentingan dengan ekonomi Asean harus menguasai **bahasa Melayu baku** dengan baik.

3.3 Bahasa Melayu masa lini¹⁷

53. Bertitik tolak dari perkataan Menteri tadi dapat kita jangka bahawa kegunaan bahasa Melayu [tentunya: bahasa Melayu baku] itu akan menyeluruhi kerantauan Asean (termasuk Singapura). Orang-orang Melayu yang berpentingan dengan ekonomi Asean sedang [diam-diam] mempelajari bahasa Melayu dengan tekun. Bagaimana dengan orang-orang kita? Kalau orang tua-tua dahulu berkata *takkan Melayu hilang di dunia*, maka saya berdoa mudah-mudahan *takkan berulang kisah Pak Kadok yang ayamnya menang kampungnya tergadai*.

54. Pertemuan Sasterawan Nusantara [termasuk Singapura] ke-VI yang berlangsung di Kuching, Sarawak pada 1988 telah merumuskan bahawa *kesusasteraan Melayu ialah kesusasteraan Nusantara*. Kesusasteraan Melayu yang dimaksudkan itu pastilah 'kesusasteraan yang berbahasa Melayu baku dan membawa kebudayaan Nusantara.'

55. Bahasa Melayu baku ialah bahasa bagi Nusantara yang statusnya mengatasi bahasa Melayu Brunei, Bahasa Indonesia, Bahasa Malaysia dan bahasa Melayu Singapura. Sekadar untuk pengetahuan umum, semenjak Oktober 1990, bahasa Malaysia sudah mulai disebut bahasa Melayu.

56. Pada **masa nanti**, orang Singapura akan bertutur dengan dua wajah bahasa Melayu. Dalam keadaan tidak formal antara sesama kita, mungkin kita lebih selesa berbual-bual dalam bahasa Melayu 'lagak Singapura'; tetapi dalam semua acara formal seperti majlis ceramah, taklimat, pidato, kuliah dan yang sebagainya, terutama apabila kita duduk semeja dengan orang Brunei, orang

¹⁷ Masa lini ialah akronim 'masa lepas ini' yakni masa yang akan datang. Tesarus Umum Bahasa Melayu, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1990, halaman 130 menderetkan pilihan kata kelak, akan datang, kemudian, nanti [kata lini merupakan ciptaan terkini].

Indonesia, orang Malaysia dan orang-orang asing, maka bahasa Melayu bakulah yang harus kita gunakan.

57. Maklumat mutakhir yang saya perolehi: berdasarkan jumlah penggunaannya yang melebihi 200 juta manusia, bahasa Melayu sekarang adalah bahasa yang kedua terbesar di dunia. Yang demikian sudah wajarlah kita punyai **bahasa baku**, bahasa yang *standard*, bahasa yang sekata digunakan sekalian orang.

58. Dalam satu forum di Universiti Kebangsaan Malaysia pada November 1992, orang mula membincangkan apa nama yang sesuai bagi **bahasa Melayu baku** itu. Telah saya syorkan supaya 'bahasa Melayu baku' itu disebut **bahasa Melayu** sahaja, manakala yang lainnya kita sebut bahasa Melayu Brunei, Bahasa Melayu Indonesia, bahasa Melayu Malaysia dan bahasa Melayu Singapura. Namun, terdapat beberapa peserta forum yang cenderung kepada menamakan bahasa Melayu baku dengan nama **bahasa Melayu Supra**.

59. Seorang Penerbit Kanan, Perkhidmatan Indonesia bagi BBC London, Asyari Usman telah mewawancara saya, beliau bertanya: apakah pendapat bapak mengenai ramalan banyak orang yang mengatakan bahawa pada masa akan datang orang-orang Melayu Singapura tidak akan dapat bertutur dengan bahasa Melayu yang bagus?

60. Jawapan saya ialah: saya tidak percaya kepada ramalan, tetapi saya percaya kepada usaha. Jika orang-orang Melayu, pengguna bahasa yang ada sekarang ini, sentiasa berusaha memperbaiki pengetahuannya dengan wajar, mempunyai baik sangka dan sikap yang baik terhadap bahasa Melayu, serta selalu menggunakan bahasa Melayu yang bagus dengan langgeng atau tekal, insya Allah, ramalan itu tidak akan menjadi kenyataan.

61. Asyari tersenyum mendengar jawapan saya tadi. Saya

tak tahu apa yang tersembunyi di sebalik senyumannya itu. Mudah-mudahan, yang tersembunyi itu sesuatu yang baik.

Sekian.

Mudah-mudahan ceramah ini bermanfaat dan dapat dimanfaatkan.

Terima kasih. Wabillahit-Taufiq wal-Hidayah.

Wassalamualaikum wR wB/.